

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Sentiasa berhati-hati ketika menggunakan media sosial: Wong
Date : 28 February 2026
Section : Tempatan
Page : 6



Sentiasa berhati-hati ketika menggunakan media sosial: Wong

SIBU: Orang ramai terus diingatkan agar sentiasa berhati-hati ketika menggunakan media sosial, khususnya platform Facebook yang kebelakangan ini menjadi tempat penyebaran berita palsu dan penipuan.

Pembantu Khas kepada Ahli Parlimen Sibu Irene Wong Lee Ting berkata, taktik penipuan di Facebook semakin berleluasa memandangkan pendaftaran akaun Facebook tidak semestinya memerlukan pengesahan identiti sebenar.

"Keadaan ini telah memberi ruang kepada segelintir pihak yang berniat jahat untuk membuka akaun palsu, menyamar sebagai penjual dalam talian dan menjalankan penipuan melalui urus niaga jual beli.

"Mereka juga mengelirukan orang ramai dengan mengarahkan supaya menekan pautan berisiko tinggi.

"Apabila mangsa mengikut arahan dan mengisi maklumat peribadi dalam pautan tersebut, hal ini boleh menyebabkan kebocoran data serta kerugian wang," ujarnya dalam satu kenyataan kelmarin.

Wong berkata, Pusat Khidmat P.212 Sibu sebelum ini menerima beberapa kes melibatkan mangsa yang mengalami kerugian besar akibat penipuan, termasuk seorang individu yang ditipu selepas membeli buah-buahan melalui Facebook dan menekan pautan yang berisiko tinggi sehingga wangnya lesap.

Selain itu katanya, terdapat juga kes penipuan cinta atau 'Love Scam' di mana sindiket menggunakan identiti berprofil tinggi palsu untuk mendekati mangsa dalam tempoh tertentu sebelum memperdaya dan mempergunakan alasan cinta untuk mendapatkan wang.

Menurut beliau lagi, dengan perkembangan pesat teknologi Kecerdasan Buatan (AI), isu berita palsu turut menjadi semakin serius di

mana pihak tertentu menggunakan teknologi AI untuk menghasilkan imej atau video palsu yang disertakan dengan kenyataan yang tidak pernah dibuat oleh individu berkenaan, lalu menyebarkannya secara meluas di platform dalam talian terutamanya Facebook.

"Disebabkan tahap ketulen visual yang tinggi, ada pihak sukar membezakan antara yang benar dan palsu lalu mempercayainya, sekali gus menyebabkan salah faham dan kekeliruan dalam masyarakat.

"Mereka ini berselindung di sebalik akaun palsu untuk menyebarkan maklumat tidak benar dan menimbulkan suasana negatif dalam masyarakat," jelasnya.

Sehubungan itu, Wong menggesa orang ramai supaya lebih berwaspada apabila terlibat dalam transaksi dalam talian yang melibatkan maklumat peribadi atau urusan kewangan, selain menyemak sumber sesuatu berita terlebih dahulu sebelum mempercayainya supaya tidak terpengaruh dengan berita palsu.

Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) perlu memperkukuh perundangan dan mekanisme pemantauan bagi memastikan platform yang terlibat dalam aktiviti penipuan turut bertanggungjawab.

"Penubuhan pasukan khas untuk menyiasat serta membanteras akaun palsu, berita palsu dan kegiatan penipuan dalam talian juga wajar dipertimbangkan demi menyediakan persekitaran internet yang lebih selamat dan bersih kepada pengguna.

"Media sosial sepatutnya menjadi saluran untuk memperoleh maklumat yang tepat dan terkini, bukannya ruang yang memaksa pengguna sentiasa berjaga-jaga terhadap penipuan dan maklumat palsu," tegasnya.